



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku 100 Resipi Biskut, Kek, Manisan, dan Kudapan**

Buku masakan terbaru yang dikeluarkan oleh PTS Media Group adalah hasil buah tangan Chef Norzailina. Beliau seorang Chef terkenal yang tidak perlu diperkenalkan lagi di Malaysia. Buku 100 Resipi Biskut, Kek, Manisan & Kudapan adalah karya ke 43 beliau sepanjang melibatkan diri dalam bidang masakan.

Apa yang pasti, buku ini menghimpunkan 100 resipi terbaik untuk panduan penggemar biskut dan kek. Selain daripada kek dan biskut, beliau turut memuatkan resipi-resipi manisan dan kudapan. Justeru, pembaca tidak perlu membeli buku resipi yang berlainan kerana buku ini menghimpunkan semua jenis resipi dalam satu buku.

Resipi-resipi yang ditunjukkan bukan hanya sesuai untuk majlis-majlis seperti hari raya, bahkan boleh dihidangkan untuk minum petang. Selain itu, beliau turut menyediakan tips bagaimana menghasilkan biskut, kek, kudapan, dan manisan yang sedap. Chef juga menunjukkan langkah demi langkah secara terperinci supaya pembaca mudah faham beserta gambar.

Bahan-bahan yang digunakan dalam resipi beliau juga ringkas dan mudah didapati. Bahkan, ada sesetengah resipi yang hanya menggunakan empat ataupun lima bahan. Antara resipi yang terdapat dalam buku ini adalah *Kek Tanpa Telur*, *Kek Coklat Moist*, *Kek Kelapa*, *Biskut Roda Trio*, *Biskut Bunga*, dan *Biskut Shortbread*. Resipi untuk kudapan dan manisan pula adalah seperti *Kuih Gunting*, *Popia Pedas*, *Cornflakes Bercili*, *Krim Puff*, *Bingka Ubi*, dan *Puding Karamel*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)